

Isi Kandungan

ALUAN PENGURUS BESAR	6
ALUAN KETUA CAWANGAN AUDIT DALAM	7
RINGKASAN EKSEKUTIF	10-11
MAKLUMAT CAWANGAN AUDIT DALAM	12-14
JAWATANKUASA AUDIT MADA	15
CARTA ORGANISASI MADA	16
CARTA ORGANISASI CAWANGAN AUDIT DALAM	17
PERJAWATAN / STRUKTUR ORGANISASI	18-19
PELAKSANAAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT MADA	20
KURSUS / LATIHAN	21-23
SUMBANGAN / AKTIVITI	24-26
PELAKSANAAN MESYUARAT CAWANGAN AUDIT DALAM	27
PENCAPAIAN CAWANGAN AUDIT DALAM	30-31
JENIS PENGAUDITAN DILAKSANAKAN	32-34
SISTEM PENILAIAN PENGAUDITAN	35
PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN	
▶ AUDIT PANJAR WANG RUNCIT	38-41
▶ AUDIT PEMANTAUAN PERBELANJAAN	42
▶ AUDIT ASET KENDERAAN	
PENGAUDITAN PRESTASI	
▶ AUDIT SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN (SKPKP)	54
▶ AUDIT PENGURUSAN	64-67
PEMERIKSAAN MENGEJUT	70-71
PENGAUDITAN SUSULAN	74-76
LAIN-LAIN AKTIVITI	80-81
IMPAK PENGAUDITAN DAN RUMUSAN	84-85





PRAKATA



Laporan Tahunan Cawangan Audit Dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) merumuskan aktiviti pengauditan Cawangan Audit Dalam serta membentangkan ringkasan isu-isu audit yang dibangkitkan semasa pengauditan dijalankan sepanjang tahun 2017. Ia merangkumi pemerhatian audit daripada pengauditan pengurusan kewangan dan pematuhan, pengauditan prestasi, pemeriksaan mengejut dan audit susulan.

Segala kelemahan dan penemuan yang dikenalpasti semasa pengauditan dijalankan dan syor-syor mengatasinya dibentangkan dalam laporan ini sebagai panduan dan rujukan dalam usaha menambahbaik prestasi dalaman, pengurusan kewangan dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti di semua Pusat Tanggungjawab.

Laporan ini akan diedarkan kepada semua Pejabat Bahagian, Wilayah dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai rujukan kepada semua pihak bagi memastikan penemuan dan pemerhatian audit yang dibangkitkan tidak berulang dan untuk meningkatkan kecemerlangan pengurusan di setiap Pusat Tanggungjawab.

ALUAN PENGURUS BESAR



ALUAN PENGURUS BESAR

Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana limpah dan kurniaNya terus memberkati kita dengan kebaikan, kebijaksanaan, kekuatan fizikal dan moral agar dapat kita sempurnakan segala tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh cemerlang, berkualiti dan berintegriti.

Penerbitan Laporan Tahunan Cawangan Audit Dalam tahun 2017 ini merupakan satu langkah yang baik sebagai bahan panduan dan rujukan yang bermanfaat kepada warga MADA. Cawangan Audit Dalam telah banyak membantu pihak pengurusan MADA membetulkan segala kelemahan dalam pelaksanaan tadbir urus dan kawalan dalaman supaya usaha penambahbaikan dapat diambil dengan membiasakan amalan yang betul dan terbaik.

Sepanjang tahun 2017 telah menyaksikan keakraban kerjasama di antara Pusat Tanggungjawab, pegawai serta seluruh warga MADA yang telah memberikan sepenuh komitmen kepada Cawangan Audit Dalam bagi membantu memperkasakan dan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti.

Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Audit di atas bakti dan sumbangan kepakaran dalam menjayakan hasrat MADA bagi meningkatkan tahap akauntabiliti dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang Kerajaan.

Akhir kata, saya amat berharap, segala kejayaan yang telah dikecapi Cawangan Audit Dalam pada tahun 2017 akan dapat dipertingkatkan lagi ke satu tahap yang lebih cemerlang dan mampu dibanggakan oleh semua warga MADA.

Sekian, terima kasih.

Dato' Fouzi Bin Ali,

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

ALUAN KETUA CAWANGAN UNIT AUDIT DALAM

Salam Sejahtera Dan Salam 1Malaysia.

Syukur Alhamdulillah kerana limpah kurniaNya, Cawangan Audit Dalam MADA telah berjaya mencapai sasaran pengauditan sebagaimana perancangan yang telah diluluskan oleh Pengurus Besar MADA dan Jawatankuasa Audit MADA.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga Cawangan Audit Dalam atas dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas pengauditan dan seterusnya dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2017 ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua Bahagian, Wilayah, PPK dan pegawai yang terlibat dengan pengauditan pada tahun 2017 di atas kerjasama dan layanan yang baik kepada pegawai Cawangan Audit Dalam semasa menjalankan pengauditan.

Bagi memastikan Cawangan Audit Dalam dapat meningkatkan peranan dan fungsi dengan lebih berkesan, maka inisiatif untuk memantapkan kemahiran pengauditan pegawai Cawangan Audit Dalam telah diambil dengan menjalinkan kerjasama dengan Unit Audit Dalam MOA.

Cawangan Audit Dalam MADA dan Unit Dalam MOA telah menjalankan 3 program pengauditan pengurusan kewangan dan prestasi bagi tahun 2017.

Harapan saya agar semua pihak di MADA ini dapat memberikan komitmen dan perhatian yang serius terhadap pengurusan kewangan bagi meningkatkan tahap tadbir urus perkhidmatan awam yang mantap dan berintegriti

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohd Dhia Ul-Rahman Bin Ab Manan

Ketua Cawangan Audit Dalam
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda





RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

Cawangan Audit Dalam, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah diwujudkan pada tahun 1985 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Audit Dalam merupakan sebahagian daripada komponen dalam Lembaga dan tanggungjawab terus kepada Pengurus Besar Lembaga.

Lembaga Pengarah dalam sidangnya pada 15 Jun 1993 telah meluluskan penubuhan satu Jawatankuasa Audit selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am SULIT Bilangan 2 Tahun 1993 (Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan).

Laporan ini merumuskan aktiviti pengauditan Cawangan Audit Dalam serta membentangkan ringkasan isu-isu/pemerhatian audit yang dibangkitkan semasa pengauditan dijalankan sepanjang tahun 2017. Ia merangkumi pemerhatian audit daripada pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi, pengauditan susulan dan pemeriksaan mengejut. Pengauditan yang dijalankan berdasarkan garis panduan pengauditan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara dan Perbendaharaan Malaysia.

Para tahun 2017, sebanyak 31 program pengauditan dan lain-lain aktiviti telah dilaksanakan seperti :

Pengauditan pengurusan kewangan di 17 PTJ.

Pengauditan prestasi terhadap pematuhan pengurusan pentadbiran di 2 PTJ dan 1 pengauditan terhadap pengurusan Baja Subsidi SBPKP.

Pengauditan susulan terhadap 4 laporan iaitu laporan pengauditan aset kenderaan tahun 2017 dan laporan pengauditan projek estet padi NKEA tahun 2014, 2015 dan 2016.

Pemeriksaan Mengejut di 7 PTJ.

Selain menjalankan aktiviti pengauditan, sebanyak 20 lain-lain aktiviti yang dijalankan seperti mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Cawangan, Laporan Tahunan 2016 dan Program Pengauditan Bersama Audit Dalam MOA.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengauditan Kewangan

Pengauditan kewangan yang dijalankan adalah pengauditan panjar wang runcit, pemantauan perbelanjaan dan pengurusan stor. Pematuhan terhadap beberapa skop pengauditan yang wajar diteruskan oleh PTJ bagi pengauditan panjar wang runcit dan pemantauan perbelanjaan antaranya fizikal tunai, peti besi, baucar bayaran, dokumen perbelanjaan dan surat kuasa. Manakala bagi pengauditan pengurusan stor, pematuhan terhadap penerimaan, merekod, penyimpanan, pengeluaran, pemeriksaan, keselamatan, kebersihan dan pelupusan.

Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi yang dijalankan meliputi pengauditan pengurusan terhadap pentadbiran dan perbelanjaan PTJ. Skop pengauditan yang dipatuhi 100% oleh PTJ bagi pengauditan pengurusan adalah pengisian perjawatan, carta organisasi, manual prosedur kerja, fail meja, rekod pergerakan, gaji dan elaun. Manakala bagi pengauditan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), pematuhan terhadap beberapa semakan antaranya pelantikan, pengurusan stor, pendaftaran dan semakan pesawah, Jawatankuasa Penapis, pemeriksaan tanah, pesanan baja, penyimpanan baja, timbangan berat baja, kawalan kualiti baja, pengedaran baja, pelupusan baja, kawalan dan penyeliaan.

Pengauditan Susulan

Pengauditan susulan yang dijalankan adalah tertumpu kepada hasil laporan pengauditan pengurusan aset kenderaan tahun semasa dan laporan pengauditan projek estet padi NKEA tahun 2014, 2015 dan 2016. Secara keseluruhannya semua penemuan audit yang berbangkit telah diambil tindakan pembedulan dan penambahbaikan telah dibuat dengan sewajarnya oleh PTJ dan PPK.

Pengauditan Mengejut

Skop pemeriksaan mengejut yang dijalankan adalah pematuhan terhadap buku pemeriksaan mengejut di PTJ. Pengurusan buku oleh pegawai, waktu pemeriksaan, ketepatan amaun serta isi kandung peti besi adalah dipatuhi dengan cemerlang.

MAKLUMAT CAWANGAN AUDIT DALAM

Latar Belakang

Cawangan Audit Dalam (CAD) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda telah diwujudkan pada tahun 1985 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Audit Dalam merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Lembaga dan bertanggungjawab terus kepada Pengurus Besar Lembaga.

Lembaga Pengarah dalam mesyuarat pada 15 Jun 1993 telah meluluskan penubuhan satu Jawatankuasa Audit selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am SULIT Bil.2/1993 (Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan). Bidang tugas CAD meliputi semua Bahagian di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

VISI

Memberi perkhidmatan audit yang terbaik bagi memantapkan mutu dan kualiti perkhidmatan MADA

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas ke arah meningkatkan dan memantapkan akauntabiliti pengurusan kewangan dan aktiviti MADA

MISI

Objektif

Membantu Lembaga mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Menjalankan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dokumen dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti Lembaga yang menentukan matlamatnya yang dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Fungsi

Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.

Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.

Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan peyelewengan.

Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT.

Melaporkan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang berbangkit.

Piagam Pelanggan

Mengemukakan laporan audit yang bebas, objektif dan tepat pada masa.

Menyediakan laporan tahunan audit dalam sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya.

Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Rancangan audit tahunan dikemukakan kepada Pengurus Besar MADA dan Jawatankuasa Audit MADA sebelum / pada 31 Januari tahun semasa.

Laporan Audit dikeluarkan dalam tempoh 30 hari selepas pengauditan diselesaikan.

WANKUASA AUDIT DALAM MADA

YBhg. Dato' Ahmad Zakaria bin Mohamad Sidek

Ketua Pengarah Pertanian,
Jabatan Pertanian Malaysia



YBhg. Dato' Wira Abdullah Hasnan Bin Kamaruddin

Pengerusi Majlis
Pembangunan Pertanian
Kawasan Parlimen Kuala
Kedah



YBhg. Dato' Haji Ahmad bin Ishak

Ketua Pengarah, Lembaga
Pemasaran Pertanian
Persekutuan



YBrs. Tuan Haji Abdul Halim Bin Md Akib

Pengarah Wilayah,
Agrobank Pulau Pinang/
Kedah/ Perlis



AHLI TAMAT TEMPOH LANTIKAN

YBrs. Ir. Haji Mat Hussin Bin Ghani

Pengarah Bahagian
Pengairan Dan Saliran
Pertanian, Kementerian
Pertanian Dan Industri Asas Tani
(Tempoh Lantikan Sehingga 16 Ogos 2017)




YBrs. Encik Subri Bin Md Noh

Naib Presiden Kanan &
Liaison Officer, Agrobank
(Tempoh Lantikan Sehingga 14 Julai 2017)



CARTA ORGANISASI MADA



CARTA ORGANISASI CAWANGAN AUDIT DALAM

**PENGURUS BESAR
JUSA B**
Dato' Fouzi Bin Ali

**KETUA CAWANGAN AUDIT DALAM
PEGAWAI TADBIR N44**
Tuan Haji Mohd Dhia Ul-Rahman Bin Ab Manan

**Seksyen Audit
Prestasi & Audit
Khas**

**Pegawai Tadbir
Gred N41**
Siti Noor Mardiana
Binti Shahrom

**Penolong Pegawai
Tadbir Gred N29**
Kosong

**Penolong Juruaudit
Gred W29**
Noor Diana Binti Aznan

**Seksyen Audit
Kewangan & Susulan**

**Penolong Pegawai
Tadbir Gred N32**
Nazri Bin Abdullah

**Penolong Pegawai
Tadbir Gred N29**
Mas Mazidah Binti
Abdal Rani

**Penolong Juruaudit
Gred W29**
Nerdina Binti Bukhri

**Seksyen
Pentadbiran**

**Pembantu Tadbir
(P/O) Gred N19**
Kosong

PERJAWATAN / STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi Cawangan Audit Dalam MADA terdiri daripada 3 Seksyen iaitu Seksyen Audit Prestasi & Audit Khas, Seksyen Audit Kewangan & Susulan dan Seksyen Pentadbiran. Pegawai Cawangan Audit Dalam bagi tahun 2017 adalah seramai 6 orang.

KETUA CAWANGAN AUDIT DALAM



Mohd Dhia Ul-Rahman Bin Ab Manan
Pegawai Tadbir Gred N44

SEKSYEN AUDIT PRESTASI & AUDIT KHAS



Kosong
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29

Noor Azman
Penolong Pegawai Tadbir Gred W29

SEKSYEN AUDIT KEWANGAN DAN SUSULAN




Penolong Pegawai Tadbir Gred N32

Masrahani
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29

Noor Azri
Penolong Pegawai Tadbir Gred W29

SEKSYEN PENTADBIRAN



Kosong
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19

PERUBAHAN PERJAWATAN / STRUKTUR ORGANISASI


Sepanjang tahun 2017, terdapat dua (2) pegawai bertukar masuk dan dua (2) pegawai bertukar keluar.

Perubahan Masuk

Bil.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN & GRED	TARIKH KUAT KUASA	PERIHAL
1.	Siti Noor Mardiana binti Shahrom	Pegawai Tadbir N41	15 November 2017	Lantikan Baru
2.	Nazri bin Abdullah	Penolong Pegawai Tadbir N32	1 Ogos 2017	Kenaikan Pangkat N29 Ke N32 Dari Seksyen Audit Prestasi Dan Audit Khas

Perubahan Keluar

Bil.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN & GRED	TARIKH KUAT KUASA	PERIHAL
1.	Che Kama binti Awang Kechil	Penolong Pegawai Tadbir N36	5 Jun 2017	Persaraan Paksa
2.	Nur Atiqah Wahida binti Mihat	Penolong Juruaudit W29 (Sambilan)	15 November 2017	Pelantikan Baru Sebagai Pegawai Tadbir N41 Ke Cawangan Kewangan Dan Akaun



Puan Che Kama Menerima Penghargaan Atas Sumbangan Beliau Kepada MADA Sempena Majlis Malam Setulus Budi MADA 2017.

PELAKSANAAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT MADA TAHUN 2017

Semua pemerhatian dan Laporan Audit Dalam dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi memastikan tindakan “preventive” dan “corrective” diambil oleh pihak bertanggungjawab supaya kelemahan-kelemahan yang berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit pada tahun 2017 seperti Jadual berikut :

Mesyuarat Jawatankuasa Audit MADA Tahun 2017

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	JKA Bil. 1/2017	28 Februari 2017	Wisma Tani, Putrajaya
2.	JKA Bil. 2/2017	11 Julai 2017	MAEPS, Selangor
3.	JKA Bil. 3/2017	23 November 2017	Wisma Tani, Putrajaya
4.	JKA Bil. 4/2017	2 Disember 2017	Kota Kinabalu, Sabah



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1/2017 pada 28 Februari 2017



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2/2017 Pada 11 Julai 2017



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3/2017 Pada 23 November 2017



YBhg. Dato' Ahmad Zakaria, YBrs. Tuan Haji Abdul Halim Bersama Tuan Haji Mohd Dhia Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4/2017 Di Hotel Mercure, Kota Kinabalu Sabah Pada 2 Disember 2017

KURSUS DAN LATIHAN

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, semua pegawai Cawangan Audit Dalam digalakkan menghadiri kursus dan latihan sama ada oleh Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan yang lain.

Kursus Dan Latihan Yang Dihadiri Pada Tahun 2017

BIL.	NAMA	TAJUK KURSUS / LATIHAN	TARIKH
1.	Mohd Dha U-Rahman bin Ab Manan	◇ Sesi Townhall Laporan Audit Dalam MOA Tahun 2016	27 Februari 2017
		◇ Program Inovasi Teknologi MADA	12 Mac 2017
		◇ Taklimat Integriti 'Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa'	20 Mac 2017
		◇ Retreat Pengurusan Tertinggi MADA	29 – 30 April 2017
		◇ Sesi Engagement Pengurus Besar Bersama Pegawai MADA	10 Ogos 2017
		◇ Seminar Jabatan Audit Negara	23 – 24 Oktober 2017
		◇ Bicara Ilmu "Kasih Sayang Allah"	31 Oktober 2017
2.	Siti Noor Mardiana Binti Shahrom	◇ Program MADA New Employee Training (MNET)	5 - 12 November 2017
		◇ Program Penglibatan Anak Angkat Antara Pegawai Lantikan Baru P&P Bersama Peladang MADA	9 – 13 November 2017

KURSUS DAN LATIHAN

Kursus Dan Latihan Yang Dihadiri Pada Tahun 2017

BIL.	NAMA	TAJUK KURSUS / LATIHAN	TARIKH
3.	Nazri bin Abdullah	◇ Majlis Amanat Pengerusi MADA Tahun 2017	24 Januari 2017
		◇ Ceramah Agama : Amanah Dalam Kerjaya	22 Februari 2017
		◇ Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MADA Tahun 2017	19 April 2017
		◇ Ceramah Agama : Sempena Ramadhan Siri I "Apa Itu Puasa"	30 Mei 2017
		◇ Jemputan Menghadiri Performance Auditing In The Public Sector	12 – 13 September 2017
		◇ Bicara Ilmu "Kasih Sayang Allah"	31 Oktober 2017
		◇ Majlis Perhimpunan Bulanan MADA	5 November 2017
4.	Mas Mazidah binti Abdul Rani	◇ Kursus Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015	14 – 15 Mac 2017
		◇ Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) MADA Tahun 2017	3 – 4 April 2017
		◇ Penghayatan Nuzul Quran	7 Jun 2017
		◇ Bicara Ilmu "Hijrah Rohani"	28 Ogos 2017
		◇ Bicara Ilmu "Kasih Sayang Allah"	31 Oktober 2017





Encik Nazri Abdullah Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 Pada 19 April 2017



Cik Mas Mazidah Dilantik Sebagai Ahli Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Bahagian Khidmat Pengurusan Tahun 2017



Pegawai Cawangan Audit Dalam Menghadiri Program Satu Jam Bersama Al-Quran Pada 19 Jun 2017 Di Dewan Syed Nahar, Ibu Pejabat MADA



Encik Nazri Abdullah Menghadiri Kursus 'Performance Auditing In Public Sector' Pada 12 Hingga 13 September 2017



Pegawai Cawangan Audit Dalam Menghadiri Program Bicara Ilmu 'Kasih Sayang Allah' Oleh YBhg. Dato' Ustaz Kazim Mohd Elias Pada 31 Oktober 2017



Cik Siti Noor Mardiana Menyertai Program Penglibatan Anak Angkat Antara Pegawai Lantikan Baru Pada 9 Hingga 13 November 2017

SUMBANGAN / AKTIVITI

Selain dari tugas hakiki, pegawai Cawangan Audit Dalam juga memberikan sumbangan dengan pelbagai aktiviti Jabatan pada tahun 2017.

Sumbangan Pegawai Cawangan Audit Dalam Tahun 2017

BIL.	NAMA PEGAWAI	SUMBANGAN / AKTIVITI
1.	Mohd Dha U- Rahman Bin Ab Manan	◊ Johan Pertandingan Kayuh Perahu Kategori Pegawai Tadbir Negeri vs Pegawai Tadbir Persekutuan Sempena Temasya Sukan Sungai Negeri Kedah 2017
		◊ Johan Pertandingan "Tresure Hunt" MADA 2017
		◊ Urusetia Karnival Sukan MOA
		◊ Urusetia Malam Setulus Budi MADA
2.	Siti Noor Mardiana Binti Shahrom	◊ Ahli PUSPANITA MADA
		◊ Ahli Koperasi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (KOMADA)
		◊ Urusetia Malam Setulus Budi MADA
3.	Nazri Bin Abdullah	◊ Pegawai Bertugas Di Bussines Development Center (BDC) MADA
		◊ Ahli Koperasi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (KOMADA)
4.	Mas Mazidah Binti Abdul Rani	◊ Pegawai Bertugas Di Bussines Development Center (BDC) MADA
		◊ Juruaudit Dalaman Sistem Kualiti MS ISO 9001:2008 Bagi Pengendalian Sistem Pengurusan Air MADA
		◊ Ahli PUSPANITA MADA
		◊ Sukan Batu Seremban Sempena Karnival Sukan MOA 2017
		◊ Urusetia Malam Setulus Budi MADA
5.	Noor Diana Binti Aznan	◊ Urusetia Himpunan Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan
		◊ Urusetia Malam Setulus Budi MADA
		◊ Urusetia Program Jom Turun Bendang

SUMBANGAN / AKTIVITI



Tuan Haji Mohd Dhia Menghadiri Mesyuarat Retreat Ketua Audit Dalam Agensi MOA Di Port Dickson Bil. 1/2017 Pada 9 Januari 2017



Tuan Haji Mohd Dhia Sebagai Urusetia Karnival Sukan MOA 2017 Di Universiti Utara Malaysia Pada 3 Hingga 8 Februari 2017



Tuan Haji Mohd Dhia Mewakili MADA Menyertai Temasya Sukan Sungai Negeri Kedah Bagi Kategori Kayuh Perahu, Pegawai Tadbir Negeri vs Pegawai Tadbir Persekutuan Pada 6 Mei 2017



Pegawai Cawangan Audit Dalam bertugas sebagai urusetia Rumah Terbuka Aidilfitri Di KONKOS, Ibu Pejabat MADA Pada 6 Julai 2017



Puan Noor Diana bertugas sebagai urusetia sambutan Majlis Perkahwinan anak Pengerusi MADA di Hotel Grand Alora pada 22 Julai 2017

SUMBANGAN / AKTIVITI



Cik Mas Mazidah dan Puan Noor Diana menghadiri Mesyuarat Retreat Ketua Audit Dalam Agensi MOA Bil. 2/2017 Di Kota Kinabalu, Sabah pada 25 Hingga 26 Ogos 2017



Puan Noor Diana sebagai Urusetia Himpunan Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan pada 28 September Hingga 1 Oktober 2017



Lawatan Kerja Pengauditan Jabatan Audit Negara pada 19 November 2017



Cawangan Audit Dalam sebagai Urusetia Pendaftaran dalam Majlis Setulus Budi MADA Pada 17 Disember 2017

PELAKSANAAN MESYUARAT CAWANGAN

Pencapaian dan prestasi semasa Cawangan Audit Dalam akan dibincangkan dalam Mesyuarat Cawangan bagi memastikan setiap perancangan kerja tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit MADA adalah dipatuhi serta mengambil perhatian terhadap arahan-arahan semasa pengurusan MADA. Pelaksanaan Mesyuarat Cawangan pada tahun 2017 seperti Jadual berikut :

Mesyuarat Cawangan Audit Dalam Tahun 2017

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Bil. 1/2017	26 Januari 2017	Bilik Mesyuarat CAD
2.	Bil. 2/2017	23 Februari 2017	Bilik Mesyuarat CAD
3.	Bil. 3/2017	30 Mac 2017	Bilik Mesyuarat CAD
4.	Bil. 4/2017	25 April 2017	Bilik Mesyuarat CAD
5.	Bil. 5/2017	25 Mei 2017	Bilik Mesyuarat CAD
6.	Bil. 6/2017	20 Jun 2017	Bilik Mesyuarat CAD
7.	Bil. 7/2017	18 Julai 2017	Bilik Mesyuarat CAD
8.	Bil. 8/2017	23 Ogos 2017	Bilik Mesyuarat CAD
9.	Bil. 9/2017	25 September 2017	Bilik Mesyuarat CAD
10.	Bil. 10/2017	29 Oktober 2017	Bilik Mesyuarat CAD
11.	Bil. 11/2017	29 November 2017	Bilik Mesyuarat CAD
12.	Bil. 12/2017	20 Disember 2017	Bilik Mesyuarat CAD



PENCAPAIAN CAWANGAN AUDIT DALAM 2017




PENCAPAIAN CAWANGAN AUDIT DALAM 2017

Aktiviti pengauditan yang dijalankan oleh Cawangan Audit Dalam adalah berdasarkan Rancangan Audit Tahun 2017 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit MADA. Pada tahun 2017, sebanyak 51 aktiviti telah dilaksanakan oleh Cawangan Audit Dalam seperti Jadual berikut :

Jadual Pencapaian Cawangan Audit Dalam Tahun 2017

BIL.	AKTIVITI / PROGRAM	SASARAN TAHUNAN	JUMLAH PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN
PENGAUDITAN KEWANGAN				
1.	i. Audit Panjar Wang Runcit	7	7	100%
	ii. Audit Pemantauan Perbelanjaan	7	7	100%
	iii. Audit Pengurusan Stor	3	3	100%
PENGAUDITAN PRESTASI				
2.	i. Audit Projek	1	1	100%
	ii. Audit Pengurusan	2	2	100%
PENGAUDITAN SUSULAN				
3.	i. Audit Susulan	3	4	133%
PEMERIKSAAN MENGEJUT				
4.	i. Pemeriksaan Mengejut	7	7	100%
MESYUARAT				
5.	i. Mesyuarat Jawatankuasa Audit	4	4	100%
	ii. Mesyuarat Cawangan	12	12	100%
PENYEDIAAN LAPORAN				
6.	i. Laporan Tahunan 2015	1	1	100%
LAIN-LAIN PROGRAM/AKTIVITI				
7.	i. Pengauditan Bersama Audit Dalam MOA	0	3	100%
JUMLAH KESELURUHAN		47	51	109%

Pencapaian Aktiviti Pengauditan Tahun 2017




Pecahan Program Pengauditan dan Lain-lain Aktiviti

7 PTJ Audit Panjar Wang Runcit
 7 PTJ Audit Pernantauan Perbelanjaan
 3 PTJ Audit Pengurusan Stor

4 Kali Mesyuarat Jawatankuasa Audit
 12 Kali Mesyuarat Dawangan
 1 Laporan Tahunan 2018
 3 Program Bersama Audit Dalam MOA

- 4 PTJ Audit Susulan
- 7 PTJ Pemeriksaan Mengejut
- 2 PTJ Audit Pengurusan
 1 Audit Baja Subsidi SBPKP

Aktiviti Pengauditan	2017
Pengurusan Kewangan	93%
Prestasi	90%
Susulan	98%
Pemeriksaan Mengejut	100%
Lain-lain AKTiviti	100%



- Pengurusan Kewangan
- Prestasi
- Susulan
- Pemeriksaan Mengejut
- Lain-lain Aktiviti

JENIS PENGAUDITAN YANG DILAKSANAKAN

Aktiviti pengauditan oleh Cawangan Audit Dalam telah dilaksanakan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti di Jadual berikut :

Audit Panjar Wang Runcit

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	Bahagian Industri Padi	21 Februari 2017
2.	Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran	23 Februari 2017
3.	Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi	26 Februari 2017
4.	Wilayah III, Pendang	1 Mac 2017
5.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Mac 2017
6.	Bahagian Pengurusan Institusi Peladang	5 Mac 2017
7.	Bahagian Mekanikal & Elektrikal	7 Mac 2017

Audit Pemantauan Perbelanjaan

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	Bahagian Industri Padi	21 Februari 2017
2.	Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran	23 Februari 2017
3.	Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi	26 Februari 2017
4.	Wilayah III, Pendang	1 Mac 2017
5.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Mac 2017
6.	Bahagian Pengurusan Institusi Peladang	5 Mac 2017
7.	Bahagian Mekanikal & Elektrikal	7 Mac 2017

JENIS PENGAUDITAN YANG DILAKSANAKAN

Audit Pemeriksaan Mengejut

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	Bahagian Industri Padi	21 Februari 2017
2.	Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran	23 Februari 2017
3.	Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi	26 Februari 2017
4.	Wilayah III, Pendang	1 Mac 2017
5.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Mac 2017
6.	Bahagian Pengurusan Institusi Peladang	5 Mac 2017
7.	Bahagian Mekanikal & Elektrikal	7 Mac 2017

Audit Pengurusan Stor

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal	12 April 2017
2.	Bahagian Khidmat Pengurusan	13 April 2017
3.	Wilayah IV, Kota Sarang Semut	16 April 2017

Audit Pengurusan

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	Wilayah III, Pendang	17 – 18 Mei 2017
2.	Wilayah IV, Kota Sarang Semut	15 – 16 Mei 2017

JENIS PENGAUDITAN YANG DILAKSANAKAN

Audit Susulan – Projek Estet Padi NKEA EPP 10

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	PPK I-II, Kuala Sungai	25 September 2017
2.	PPK D-II, Tunjang	26 September 2017
3.	PPK B-II, Sanglang	27 September 2017
4.	PPK A-I, Arau	28 September 2017
5.	PPK A-II, Kodiang	1 Oktober 2017
6.	PPK E-I, Simpang Empat	2 Oktober 2017
7.	PPK D-I, Tambun Tulang	3 Oktober 2017
8.	PPK C-I, Kangar	4 Oktober 2017
9.	PPK B-I, Kayang	5 Oktober 2017
10.	PPK E-III, Kobah	8 Oktober 2017
11.	PPK C-III, Tajar	9 Oktober 2017
12.	PPK B-III, Abr Senibong	10 Oktober 2017
13.	PPK A-III, Hutan Kampung	11 Oktober 2017
14.	PPK F-IV, Sungai Limau Dalam	12 Oktober 2017
15.	PPK A-IV, Batas Paip	15 Oktober 2017
16.	PPK B-IV, Pengkalan Kundur	16 Oktober 2017
17.	PPK D-IV, Permatang Buluh	17 Oktober 2017

Audit Projek Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)

BIL.	PTJ	TARIKH AUDIT
1.	PPK F-III, Pendang	10 Disember 2017
2.	PPK D-IV, Permatang Buluh	11 Disember 2017
3.	PPK F-IV, Sungai Limau Dalam	12 Disember 2017
4.	PPK B-I, Kayang	13 Disember 2017
5.	PPK H-II, Kepala Batas	14 Disember 2017
6.	PPK B-III, Abr Senibong	17 Disember 2017
7.	PPK E-II, Kubang Sepat	18 Disember 2017

SISTEM PENILAIAN PENGAUDITAN

- Mesyuarat Jawatankuasa Audit MADA Bilangan 1 Tahun 2014 telah memutuskan bahawa satu Garisan Panduan Permarkahan/Skor Audit Dalam perlu disediakan berasaskan kepada Penilaian Star Rating Agensi Sektor Awam oleh mampu selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004.
- Arahan Jabatan Audit Negara melalui Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2016 telah menetapkan Penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah dikemaskini mulai tahun kewangan 2015 untuk digunapakai oleh setiap agensi kerajaan.

Jadual Penilaian Pengauditan Cawangan Audit Dalam

TAHAP	PERATUSAN	PENARAFAN BINTANG
Cemerlang	90% - 100%	★★★★★
Bak	80% - 89%	★★★★
Memuaskan	70% - 79%	★★★
Kurang Memuaskan	60% - 69%	★★
Tidak Memuaskan	50% - 59%	★
Lemah	49% ke bawah	-







PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

AUDIT PANJAR WANG RUNCIT

Panjar Wang Runcit ialah pendahuluan tunai yang diberikan kepada pegawai perakaunan untuk membuat pembayaran runcit secara tunai. Wang panjar hendaklah digunakan untuk tujuan pembayaran kecil yang segera dan perbelanjaan yang dibenarkan dengan semua pembelian runcit hendaklah direkodkan dalam Buku Panjar Wang Runcit. Pada akhir setiap bulan, baki buku tunai perlu disahkan dengan baki tunai sebenar dan wang tersebut perlu disimpan di tempat yang selamat.

Tahap Prestasi Pengauditan Panjar Wang Runcit


PTJ	PERATUS PRESTASI	TAHAP PRESTASI	PENARAFAN BINTANG
Bahagian Industri Padi	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi	100%	Cemerlang	★★★★★
Wilayah III, Pendang	93%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Khidmat Pengurusan	93%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Pengurusan Institusi Peladang	93%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Mekanikal & Elektrikal	93%	Cemerlang	★★★★★
KESELURUHAN	96%	CEMERLANG	★★★★★

PERBANDINGAN PRESTASI TAHUN SEBELUM

Perbandingan Tahap Prestasi Tahun 2017 Dan Tahun Sebelum

Tahun Audit	PTJ							% Tahap Prestasi
	BKP	BIP	BIAT	BPIP	BPPS	BME	W3	
Tahun Sebelum *	93%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	99%
Tahun 2017	93%	93%	93%	100%	100%	93%	100%	96%
Peningkatan / Penurunan Prestasi	↓ 0%	↓ 7%	↓ 7%	↑ 0%	↑ 0%	↓ 7%	↑ 0%	↓ 3%

* Tahun Sebelum adalah Laporan Pengauditan Tahun Terkini.



Penurunan Tahap Prestasi



3%

Kerja-Kerja Pengauditan Panjar Wang Runcit Di Wilayah III, Pendang Pada 1 Mac 2017



Kriteria Semakan Audit Panjar Wang Runcit

BIL.	SEMAKAN AUDIT
1.	Surat kuasa mengendalikan panjar wang runcit dan menunaikan cek panjar ada disediakan
2.	Surat kuasa 2 orang pegawai pemegang kunci peti besi
3.	Surat serah terima pertukaran pegawai pemegang kunci peti besi ada disediakan
4.	Fizikal tunai tidak melebihi had yang diluluskan
5.	Baki wang tunai di tangan bersamaan dengan rekod baki pada Buku Tunai Wang Runcit
6.	Wang runcit disimpan dalam peti besi
7.	Pembayaran tunai tidak melebihi had amaun yang telah ditetapkan
8.	Peti besi bersimen kukuh pada rangka bangunan
9.	Salinan pendua kunci peti besi dan nombor kombinasi di simpan di Ibu Pejabat
10.	Peti besi hanya menyimpan wang kepunyaan MADA
11.	Semua terimaan dan bayaran telah direkodkan
12.	Pemeriksaan Mengejut dilakukan secara berkala sekurang-kurangnya 6 bulan sekali oleh Ketua Jabatan
13.	Hasil pemeriksaan direkodkan di dalam Buku Pemeriksaan Mengejut
14.	Semua baucar dan dokumen sokongan telah dikemukakan kepada pemegang panjar
15.	Baucar bayaran dengan salinan buku panjar wang runcit dan dokumen sokongan telah disediakan dan dihantar ke Pejabat Perakaunan apabila rekupmen panjar diperlukan



Kerja-Kerja Pengauditan Panjar Wang Runcit Di Bahagian Industri Asas Tani Dan Bukan Padi Pada 28 Februari 2017

Pematuhan Semakan Audit Panjar Wang Runcit

Bil	PTJ	Semakan Audit														
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
1	Bahagian Pengurusan Institusi Peladang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2	Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3	Wilayah III, Pendang	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4	Bahagian Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5	Bahagian Industri Padi	✓	✓	TB	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6	Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi	✓	✓	TB	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7	Bahagian Mekanikal & Elektrikal	✓	✓	TB	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota : ✓ Mematuhi X Tidak Mematuhi TB Tidak Berkenaan

RUMUSAN DAN SYORAUDIT

Pada keseluruhannya, tahap prestasi Pengurusan Panjar Wang Runcit yang dikendalikan oleh 7 PTJ adalah Cemerlang. Tahap pematuhan pengauditan Panjar Wang Runcit perlu diteruskan oleh pihak pengurusan bagi memastikan pengendalian Panjar Wang Runcit diuruskan dengan baik dan teratur. Pihak pengurusan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Billangan 1 Tahun 2008 yang melibatkan aktiviti pengurusan kewangan.

Kerja-Kerja Pengauditan Panjar Wang Runcit Di Bahagian Industri Padi Pada 21 Februari 2017



AUDIT PEMANTAUAN PERBELANJAAN

Pemantauan perbelanjaan meliputi perolehan, memproses bayaran dan mengakaunkannya. Perbelanjaan dibuat sama ada melalui peruntukan mengurus dan pembangunan. Langkah kawalan perbelanjaan yang sempurna menjamin peruntukan dibelanjakan dengan cekap dan berhemat selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Pemantauan perbelanjaan yang cekap dan berkesan dapat mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan kerugian kepada agensi.

Tahap Prestasi Pengauditan Pemantauan Perbelanjaan

PTJ	PERATUS PRESTASI	TAHAP PRESTASI	PENARAFAN BINTANG
Bahagian Khidmat Pengurusan	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Industri Padi	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Pengurusan Institusi Peladang	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran	100%	Cemerlang	★★★★★
Bahagian Mekanikal & Elektrikal	100%	Cemerlang	★★★★★
Wilayah III, Pendang	100%	Cemerlang	★★★★★
KESELURUHAN	100%	CEMERLANG	★★★★★